

22 JAN 2002

BAKTI RAI KANAK-KANAK ISTIMEWA

PUTRAJAYA, 22 Jan (Bernama) -- Badan Kebajikan Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) hari ini meraikan 400 kanak-kanak kurang bernasib baik dalam satu majlis di Sri Perdana, di sini.

Majlis itu dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai tetamu kehormat.

Dalam ucapannya Yang Dipertua Bakti dan juga isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali berkata majlis itu diadakan bagi menggemirakan kanak-kanak berkenaan.

Beliau berkata budaya meraikan golongan istimewa itu yang sering dianjurkan oleh badan-badan korporat dan juga sektor awam di negara ini harus diteruskan kerana ia sebagai tanda kesyukuran di atas kemakmuran dan keamanan negara ini.

"Insafilah kita atas keadaan yang berlaku di negara-negara lain di mana kanak-kanak mati kebuluran, mati kerana keganasan, mati kerana tidak ada jagaan dan sebagainya," katanya.

Selain jamuan pelbagai juadah, kanak-kanak berkenaan yang datang dari 15 buah pertubuhan kebajikan turut diraikan dengan persembahan tarian oleh penari-penari Istana Budaya.

Pada majlis itu juga Perdana Menteri menyampaikan cenderahati kepada kanak-kanak berkenaan.

-- BERNAMA

NM AKT ZB